



Kami sering berdepan operasi penyelamatan dengan hanya bergantung kepada cahaya pandu arah serta menunda bot dan inilah yang dititikberatkan dalam kursus ini"

Penolong Kanan Penguasa Bomba Che Fauzi Che Omar, Ketua Cawangan Logistik Jabatan Bomba dan Penyelamatan negeri

Dari muka 55

Katanya, operasi menyelamat pada waktu malam mencabar kerana laluan air tidak dapat dijangka.

"Kami tidak tahu apa yang akan menghalang di hadapan sama ada sampah sarap, balak hanyut atau bot galah penyeludup.

"Dalam operasi menyelamat sebenar, kami sering berdepan operasi penyelamatan dengan hanya bergantung kepada cahaya pandu arah serta menunda bot dan inilah yang dititikberatkan dalam kursus ini.

Perlu cekap

"Begitu juga dengan kaedah menyelamatkan mangsa yang dibawa arus yang mana anggota perlu cekap dan bertindak pantas menggunakan segala keperluan yang ada di dalam bot bagi memastikan operasi menyelamat berjaya," katanya.

Seorang peserta wanita, Ana Wansuhana Abdul Rahim, 30, dari pasukan

Multi Skill Team (MUST) iaitu pasukan berstatus elit, berbangga kerana terpilih menjadi peserta dalam kursus itu.

Dia antara dua peserta wanita yang mengikuti kursus itu, berkata peluang menyertai kursus itu sudah pasti tidak dilepaskan kerana ia berbeza dengan pasukan yang disertainya kini iaitu berada dalam persekitaran pesawat.

"Saya sukakan cabaran, lagipun sudah ada asas sedikit sebanyak berkaitan menyelamat mangsa banjir. Menerusi kursus ini, saya boleh memantapkan lagi kemahiran.

"Berada dalam kelompok peserta lelaki tidak dirasakan janggal kerana kerjaya bomba sememangnya dimonopoli golongan itu.

"Ini saya anggap satu kelebihan kerana kami dapat berkongsi ilmu serta kepakaran masing-masing," katanya yang sudah tujuh tahun berkhidmat sebagai anggota bomba.

Peserta menyusuri Sungai Golok.



Anggota bomba dari balai di seluruh Kelantan menjalani Kursus Pengendalian Pemanduan Bot Penyelamat di sekitar Sungai Golok, Pengkalan Kubor hingga ke Rantau Panjang.

(Foto Syamsi Suhaimi/BH)